



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **PERINGKAT PERTAMA SARINGAN KOMUNITI BERSASAR COVID-19 (RTK-Ag) PERCUMA DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

27 Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) DBKL yang telah disenaraikan untuk peringkat pertama program saringan Komuniti Bersasar COVID-19 Kit Ujian Pantas Antigen (RTK-Ag) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bermula hari ini. Lokasi-lokasi lain termasuk 36 PPR/PA DBKL dan kampung-kampung tradisi sedang dikenal pasti bagi fasa saringan yang seterusnya. Program saringan ini merupakan usaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama DBKL, agensi kerajaan yang lain dan pihak swasta dalam memastikan langkah kawalan dan pencegahan COVID-19 dalam kalangan komuniti diambil segera.

Program saringan hari ini melibatkan empat lokasi terpilih iaitu PA Seri Sabah 3A, PA Seri Sabah 3B, PA Seri Pulau Pinang dan PA Seri Kota. Saringan ini dikendalikan oleh 1 pasukan yang terdiri daripada doktor-doktor bertauliah daripada Jabatan Kesihatan Negeri dan CITF di setiap PPR/PA dengan kapasiti 200 hingga 300 orang disaring sehari. Bagi memastikan pelaksanaan program saringan ini berjalan lancar dan mematuhi SOP yang ditetapkan, pergerakan penduduk dikawal ketat oleh PDRM, ATM, RELA dengan memastikan penjarakan fizikal dipatuhi sepanjang masa. Dalam memastikan kelancaran proses saringan juga, pasukan sukarelawan turut membantu pada hari ini. Proses saringan amat menekankan SOP yang ketat dengan hanya membenarkan kanak-kanak berumur 2 hingga 12 tahun sahaja untuk membuat saringan dan mereka perlu ditemani ibu bapa/penjaga.

Saringan ujian COVID-19 ini tidak dibenarkan kepada pemakai gelang tangan merah jambu, mereka yang mempunyai simptom-simptom seperti demam, batuk, selsema dan berkaitan dan hanya dibenarkan hadir ke Pejabat Kesihatan Daerah atau Klinik Kesihatan terdekat untuk ujian saringan. Selepas proses saringan selesai, individu yang telah disaring perlu terus pulang ke rumah sehingga keputusan saringan dimaklumkan melalui kiriman SMS dan WhatsApp oleh pihak Kementerian Kesihatan (KKM). Bagi individu yang mendapat keputusan positif perlu mengambil sikap bertanggungjawab untuk kekal di rumah sehingga pihak KKM menghubungi mereka.

Kementerian turut merancang inisiatif tambahan dengan mewujudkan pusat ujian saringan komuniti COVID-19 jenis RTK-Ag percuma untuk warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam usaha memerangi pandemik ini. Pelaksanaan program ini merupakan antara tujuh Inisiatif Wilayah Cakna 5.0 bagi mengesan dan mengekang penularan wabak COVID-19 dalam kalangan komuniti PPR/PA DBKL dan kampung tradisi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

**TAN SRI TPr. HJ ANNUAR MUSA**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**  
**5 Jun 2021**